

Timbalan PM dan isteri disambut bagai pengantin baru

IPOH, Jumaat — Datuk Musa Hitam muncul di kursus agama dan politik Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di sini pagi ini seolah-olah sepasang "pengantin baru".

Peserta kursus dan tetamu, tidak kurang 500 orang, bagaikan tidak percaya wanita di sebelah bellau ialah isterinya sendiri, Datin Marina.

Sejak ketibaan Timbalan Perdana Menteri di perkarangan Sekolah Latihan Wanita, pandangan tertumpu ke arah pasangan yang berjalan masuk ke dewan, sambil terpesona semacam sedang menyambut pengantin baru, ditambah pula dengan pukulan kompang oleh puteri-puteri Jelita Pergerakan Wanita UMNO.

Dewatan bagaimanapun, riuh rendah dengan tepukan gemuruh bila sangkaan mereka itu benar.

Semuanya itu kerana Toh Bijayawal Oon Zariah Abu Bakar, selaku Ketua Pergerakan Wanita UMNO Perak dalam ucapan aluannya menyebut, "Yang amat berhoemat Datuk Musa dan Datin Maria."

Dewan menjadi gamat lagi bila Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani sebelum mengakhiri ucapannya, mengadoakan agar Datuk Musa dikurniakan cahaya mata lagi.

Tepukan bergema bila Menteri Kebajikan Am itu menyebut lebih kurang begini: "Kita bangga dengan dua pengantin baru yang muncul di depan kita hari ini."

Datuk Musa pula berjaya mencuit hati peserta dan tetamu yang tak kering gusi dibuatnya dalam permulaan ucapannya.

Segak

"Syok juga, rasa macam pengantin baru," kata Timbalan Perdana Menteri disambut dengan tepukan gemuruh.

Geli hati lagi, bila Datuk Musa berkata, bellau tidak mampu lagi mendapatkan cahaya mata.

"Bukan macam dulu, muda, sekarang saya dah tua, tambah pula sejak jadi Timbalan Perdana Menteri... teruk, tambahya disusuli senyuman simpul.

Timbalan Perdana Menteri dan isteri kelihatan segak dengan pakaian baju kurung, terutama Datin Maria yang berbaju merah hati buatan kain songket.

Di akhir majlis perasmian kursus tersebut, Datuk Musa dihadiahkan dua buah bantal pengantin bersalutkan benang emas.

Itulah kali pertama Datuk Musa ditemani oleh isterinya dalam kunjungan tidak rasmi ke Perak sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri.



■ KALAU dilihat sekali imbas, tidak ada apa-apa perbezaan ke atas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam. Tetapi seri muka bellau agak lain, mungkin kerana kali ini ditemani dan diapit oleh isterinya, Datin Maria (kiri) yang kita tahu telah lama tidak muncul di khalayak ramai.

Nampaknya, kehadiran pasangan ini disambut dengan begitu gembira oleh rakyat terutama peserta-peserta kursus agama Pergerakan Wanita UMNO di Ipoh semalam kerana mereka berpeluang melihat kedua pasangan itu beringinan. — Gambar Berita Harian oleh Wong Tuck Keong.